

Newspaper	Berita Harian
Date	19/11/2012

» *Mangsa kezaliman Israel trauma bapa ditembak depan mata*

Oleh **Sophia Ahmad**  
sophia@bharian.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

**T**iada apa yang lebih menyayatkan hati seorang anak selain melihat ibu atau bapa menghembuskan nafas terakhir di depan mata.

Mahmood Al Samounah 15, dari Samouni, Palestin sudah melalui saat getir itu apabila melihat nyawa ayahnya berakhir di muncung senapang tentera Israel.

Tragedi pada akhir 2008 itu turut meragut nyawa adik lelakinya yang berusia empat tahun apabila cedera parah hampir seluruh anggota badan.

Lebih menyayat hati, 21 saudara turut terkorban apabila rumah mereka musnah dalam letupan bom tentera Zionis itu.

"Saya tidak mampu melupakan peristiwa itu. Ia saat paling menakutkan dalam hidup saya. Dalam sekelip mata, saya kehilangan ayah dalam keadaan yang cukup tragis.

"Mereka sungguh zalim, dan lebih kejam daripada seekor binatang, seolah-olah membunuh itu ialah hobi yang amat digemari," katanya kepada media ketika ditemui dalam lawatan khas di Zoo Negara di sini, semalam.

#### **Bakar rumah**

Mengimbas kembali tragedi itu, Mahmood berkata tentera Israel yang menembak bapanya itu turut mengeledah dan membakar kediaman mereka sekeluarga.

"Kami diusir ke sebuah penempatan khas yang didirikan rejim Zionis itu. Di sana, kami diperlakukan tak ubah seperti seekor haiwan. Golongan wanita dipanggil untuk berbaris, kemudian tembakan demi tembakan dilepaskan di celah-celah kaki mereka, dan askar itu akan ketawa terbahak-bahak apabila melihat semua tahanan wanita itu menjerit ketakutan. Ada di antaranya mengalami kecederaan serius kerana terkena serpihan peluru," katanya.

Kemuncak tragedi itu jelas beliau, ialah apabila semua ahli keluarga dan saudara maranya diarah

# 'Zionis lebih kejam daripada binatang'

BH-19/11/12



Mahmood **ketika melawat Zoo Negara** anjuran Yayasan Keamanan Global Perdana, semalam.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

**Tunjuk sokongan anda kepada Gaza di Dewan Merdeka, PWTC, jam 8 pagi esok. Tun Dr Mahathir Mohamad akan berucap.**

masuk ke dalam rumah pacik mereka yang terletak tidak jauh dari situ, sebelum bom diletupkan di dalam rumah berkenaan.

"Ketika itu, ada 97 orang bersesak-sesak dalam rumah berkenaan. Sebilangan besar kami berjaya melarikan diri, manakala yang lain terkorban dalam letupan itu. Ramai yang cedera parah dan hanya menunggu maut menjem-

**"Golongan wanita dipanggil untuk berbaris, kemudian tembakan demi tembakan dilepaskan di celah-celah kaki mereka, dan askar itu akan ketawa terbahak-bahak apabila melihat semua tahanan wanita itu menjerit ketakutan"**

**Mahmood Al Samounah,**  
Mangsa keganasan Israel

put mereka," katanya.

#### **Beri testimoni**

Kekejaman rejim Zionis itu tidak terhenti setakat itu. Mereka menghalang pasukan perubatan daripada memasuki kawasan berkenaan, menyebabkan mangsa yang cedera parah akhirnya meninggal seorang demi seorang.

Mahmood dan bapa saudaranya, Salah Talal Al Sammouni Rahma, 33, diterbangkan khas ke negara ini untuk memberi testimoni dalam Perbicaraan Jenayah Perang dikendalikan Yayasan Tribunal Jenayah Peperangan Kuala Lumpur iaitu satu daripada sayap Yayasan Keamanan Global Perdana yang dipengerusikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perbicaraan empat hari bermula hari ini dilaksanakan seperti prosiding mahkamah bermula jam 9 pagi hingga 5 petang di Bangunan Yayasan Al Bukhary, di sini.

Antara lain ia dijangka membicarakan bekas Presiden Amerika Syarikat, George W Bush dan bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair atas tuduhan jenayah mencabuli keamanan dan melanggar undang-undang antarabangsa dalam serangan di Iraq.